



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Pelan Pembangunan
Pendidikan Malaysia
2015 - 2025
(PENDIDIKAN TINGGI)



www.moe.gov.my

Tingkat kualiti, kemampuan graduan

» Pelaksanaan PPPM (PT) 2015-2025 beri kesan positif jangka panjang

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan
fhatihah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Golongan mahasiswa yakin Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), PPPM (PT), berupaya melahirkan graduan dengan nilai tambah, berketerampilan dan berfikiran global dalam jangka masa panjang.

Malah, mereka menyifatkan PPPM (PT) bakal menjadi pemangkin meningkatkan kebolehpasaran graduan dari institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini.

Usaha untuk mewujudkan graduan yang berupaya mencipta pekerjaan memang sesuatu yang mencabar tetapi ia amat berfaedah untuk masa depan negara.

Justeru, mereka mempunyai harapan tinggi supaya pelan membabitkan pelbagai pihak berkepentingan seperti kerajaan, pensyarah, industri dan mahasiswa dilaksanakan dengan konsisten serta inklusif sejajar dengan pembangunan mahasiswa.

PPPM (PT) dijangka dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, pada 7 April ini.

Pendidikan berkualiti

Pengerusi Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK), Muhammad Anas Misbahudin, berkata PPPM (PT) mampu mewujudkan suasana pembelajaran lebih baik bagi membolehkan mahasiswa mendapat akses pendidikan berkualiti.

Katanya, pelan berkenaan dilihat sebagai satu lonjakan paradigma kepada sistem pendidikan sedia ada bagi melahirkan mahasiswa yang bersifat holistik yang bukan saja tertumpu pada aspek akademik.

"Saya cukup berharap PPPM (PT) lebih membawa mahasiswa ke hadapan menerusi Lonjakan 1 iaitu Graduan Holistik, Keusahawanan dan Seimbang sebagai satu kaedah yang mendorong mereka bersifat menyeluruh.



Pelaksanaan PPPM (PT) menjadi pemangkin dan meningkatkan kebolehpasaran graduan.



“Pelan berkenaan dilihat sebagai satu lonjakan paradigma kepada sistem pendidikan sedia ada bagi melahirkan mahasiswa yang bersifat holistik”

Muhamad Anas Misbahudin,
Pengerusi Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan

“Melalui pelan ini, kita juga mengharapkan lebih banyak pembangunan fizikal di universiti selain aspek rohaniah di universiti,” katanya.

Muhamad Anas yang juga Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), berkata Kementerian Pendidikan juga perlu memberi penjelasan kepada pihak berkepentingan yang terabit dalam pelaksanaan PPPM (PT)



“Pelan ini juga dapat membantu melahirkan graduan yang seimbang dari aspek akademik dan kokurikulum selain memenuhi kehendak industri masa kini”

Muhammad Hanif Ramlan,
Yang Dipertua MPP UPM

supaya menepati matlamat yang digariskan pelan berkenaan.

Yang Dipertua MPP Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Hanif Ramlan, pula berkata PPPM (PT) menjadi platform bagi graduan IPT di negara ini mudah mendapatkan pekerjaan pada masa depan.

Penuhi kehendak industri

“Saya lihat pelan ini mampu menjadi ‘penyelamat’ bagi gra-



“Pelajar turut merasai perkongsian pengalaman pensyarah yang terbabit dalam industri dan bukan sekadar belajar secara teori”

R Kalai Selvan,
Timbalan Yang Dipertua Sukarelawan Siswa UPM

duan pada masa depan kerana berupaya mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan mereka.

“Pelan ini juga dapat membantu melahirkan graduan yang seimbang dari aspek akademik dan kokurikulum selain memenuhi kehendak industri masa kini,” katanya.

Beliau berkata, pihak industri kini tidak lagi memilih graduan yang hanya cemerlang dalam bi-

dang akademik tetapi seimbang dalam aspek kemahiran insaniah, bahasa, komunikasi dan pengendalian program.

“Baru-baru ini, Menteri Pendidikan II (Datuk Seri Idris Jusoh) mengumumkan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) tidak lagi dikira berdasarkan pencapaian akademik tetapi ditambah dengan kemahiran kokurikulum.

“Mahasiswa perlu ada kelainan pada diri hasil pembentukan melalui pembabitan dalam bidang kokurikulum. Contohnya, bidang rekreasi mampu membentuk jati diri dan sifat kepemimpinan sekali gus melahirkan rasa bertanggungjawab.

“Jika saya menjadi majikan, saya juga akan memilih graduan yang seimbang dalam bidang akademik dan kokurikulum,” katanya.

Tingkat kualiti pensyarah

Katanya, kementerian juga perlu tegas kepada semua IPT di negara ini untuk menerapkan elemen PPPM (PT) ke dalam jiwa setiap mahasiswa, selain mempraktikkannya dengan segera demi masa depan mereka.

Timbalan Yang Dipertua Sukarelawan Siswa UPM, R Kalai Selvan, berkata PPPM (PT) mampu menaikkan kualiti pensyarah berikutan pengalaman dan kepakaran dalam industri dapat dikongsi dengan pelajar ketika proses pembelajaran.

“Saya lihat PPPM (PT) adalah pelan yang membawa keuntungan dua hala. Pensyarah bukan saja mempunyai laluan pelbagai kerjaya malah boleh melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat Ijazah doktor falsafah (PhD).

“Pada masa sama, pelajar turut merasai perkongsian pengalaman pensyarah yang terbabit dalam industri dan bukan sekadar belajar secara teori,” katanya.

Beliau yang mengikuti program mobiliti di luar negara turut merasai pengalaman mendapatkan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran, secara langsung mendorongnya untuk berkongsi dengan pelajar lain.

“Namun, saya berharap melalui pelan ini, komuniti yang terhasil daripada generasi akan datang adalah yang berkualiti tinggi dan membantu menaikkan taraf pendidikan negara.

“Ya sekali gus dapat meningkatkan mutu ekonomi negara, kebolehpasaran graduan untuk mendapat pekerjaan dalam dan luar negara,” katanya.